

BAB KEEMPAT

KAEDAH PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DI DAERAH MUAR

4.1 Pengenalan

Dalam bab tiga yang lalu, penulis telah membincangkan pentadbiran harta pusaka di Daerah Muar di mana terdapat beberapa agensi yang terlibat dalam urusan pembahagian harta pusaka. Agensi-agensi tersebut ialah Bahagian Pusaka Pejabat Tanah Daerah Muar, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil, Amanah Raya Berhad, Mahkamah Syariah dan Mahkamah Tinggi. Di samping itu, dijelaskan juga mengenai prosedur pembahagian harta pusaka di daerah ini.

Dalam bab ini, penulis akan membincangkan tentang kaedah pembahagian harta pusaka yang diamalkan oleh orang-orang Islam di daerah ini. Ia meliputi ke atas semua jenis harta yang ditinggalkan oleh si mati. Ini termasuklah harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Perbincangan ini penting memandangkan sejauhmana pemilihan sesuatu kaedah itu dapat menyelesaikan sesuatu urusan pembahagian harta pusaka tersebut.

Selain daripada itu, penulis akan menganalisa kaedah-kaedah pembahagian yang diamalkan oleh orang-orang Islam dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka di daerah ini. Di samping itu, penulis akan mengenalpasti

sebab-sebab sesuatu kaedah itu digunakan dan permasalahan yang berlaku di dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar.

4.2 Kaedah Pembahagian Harta Pusaka di Daerah Muar

Terdapat dua kaedah pembahagian yang diamalkan dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar. Kaedah pembahagian itu ialah kaedah pembahagian secara *farā'id* dan kaedah persetujuan bersama (*muafakat*)¹. Kaedah pembahagian ini dilakukan ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Manakala kaedah pembahagian berdasarkan adat tidak dilakukan di daerah ini.

4.2.1 Harta Milik Persendirian

Dalam menyelesaikan urusan pembahagian ke atas harta milik persendirian sama ada harta alih dan harta tak alih, ahli-ahli waris diberi kebebasan untuk memilih kaedah pembahagian yang dipersetujui mereka sama ada kaedah pembahagian secara *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (*muafakat*)². Pemilihan kaedah ini dilakukan dengan penuh kerelaan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Persetujuan untuk memilih kaedah ini hendaklah dilakukan di hadapan pesuruhjaya sumpah melalui borang yang disediakan³. (Sila lihat lampiran T).

Kaedah pembahagian secara *farā'id* dilakukan dengan

berdasarkan Sijil Akuan Faraid daripada Mahkamah Syariah mengikut kadar masing-masing sama ada satu perdua, satu pertiga, satu perempat, satu perenam, satu perlapan, dua pertiga ataupun 'asabah⁴. Walau bagaimanapun, ini tertakluk kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat dan rukun-rukun pusaka yang ditentukan di samping tiada halangan-halangan pusaka. (Sila rujuk bab satu halaman 8 hingga 15).

Biasanya, kaedah pembahagian secara *farā'id* ini dilakukan ke atas harta-harta alih seperti wang-wang simpanan, saham-saham dan wang pampasan daripada sihak kerajaan atau swasta kerana pengambilan tanah si mati. Tetapi bagi harta-harta alih yang lain seperti peralatan rumah dan kenderaan, biasanya pembahagian harta dilakukan berdasarkan kaedah persetujuan bersama (*muafakat*). Bagi harta-harta tak alih seperti tanah dan bangunan, biasanya ahli waris akan memilih kedua-dua kaedah tersebut sama ada kaedah pembahagian secara *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (*muafakat*)⁵.

Dalam melaksanakan kaedah pembahagian secara *farā'id* ke atas harta-harta tak alih seperti tanah atau bangunan, semua nama ahli-ahli waris yang berhak akan dimasukkan ke dalam setiap geran tersebut (pemilikan secara beramai-ramai). Di dalam geran itu dicatatkan bahagian mereka menikut *farā'id* tanpa melakukan pecah milik ke atas harta-harta tersebut⁶. Bagi menguruskan harta tersebut, salah seorang di kalangan mereka akan dilantik sebagai Pemegang Amanah yang bertang-

gungjawab membahagikan hasil pendapatan daripada harta tersebut kepada ahli-waris yang berhak⁷. Tetapi, sekiranya ahli-waris bersetuju untuk menjual kesemua atau sebahagian daripada harta tersebut, maka penilaian akan dibuat ke atas harta mengikut nilaians pasaran semasa. Hasil jualan tersebut kemudian akan dibahagikan kebada mereka mengikut kaedah *farā'id*⁸.

Kaedah pembahagian secara *farā'id* ke atas harta tak alih ini dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Hj. Shamsuddin bin Hj. Redzuan* (si mati)⁹. Menurut rekod perbicaraan, si mati meninggalkan seramai 19 ahli waris dewasa (8 anak lelaki, 9 anak perempuan dan 2 balu). Beliau mempunyai 6 keping tanah pertanian bertempat di Lot 10749, Lot 10773 dan Lot 834, Mukim Gersik Muar dan Lot 878, Lot 1107, Lot 1108 di Mukim Bukit Serambang Muar. sebuah kereta dan wang simpanan berjumlah RM127,788.67. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan tanah-tanah dan wang simpanan si mati mengikut kaedah *farā'id*. Namun bagi kereta, mereka bersetuju menyerahkan kepada salah seorang di kalangan mereka melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat).

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Dasiiman Hj. Mahmod* (si mati)¹⁰. Dalam kes ini, si mati meninggalkan seramai 7 ahli waris dewasa (4 anak lelaki, seorang

anak perempuan dan 2 balu). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 5870, Mukim Sungai Balang Muar dengan keluasan 2 ekar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli-ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan tanah tersebut mengikut kaedah *farā'id*.

Manakala kaedah pembahagian secara *farā'id* ke atas harta alih pula dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Hatimah bte Md. Ekhsan* (si mati)¹¹. Menurut rekod perbicaraan, si mati meninggalkan seramai 10 ahli waris dewasa (3 anak lelaki dan 7 anak perempuan). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 3413, Mukim Sungai Balang Muar dan wang simpanan berjumlah RM47,081. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli-ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan wang simpanan tersebut mengikut kaedah *farā'id*. Namun bagi tanah, mereka bersetuju menyerahkan kepada salah seorang di kalangan mereka melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat).

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Kaiad bin Abd. Majid* (si mati)¹². Dalam kes ini, si mati meninggalkan seramai 7 ahli waris dewasa (seorang anak lelaki, 5 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 3 keping tanah pertanian bertempat di EMR 437, EMR 438 dan MG 244, Mukim Sungai Raya Muar, sebuah kereta dan wang simpanan berjumlah RM43,327.54. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli-ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan wang

simpanan tersebut mengikut kaedah *farā'id*. Namun bagi tanah, mereka bersetuju membahagikan dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (*muafakat*). Manakala bagi kereta, mereka bersetuju menyerahkan kepada salah seorang di kalangan mereka melalui kaedah yang sama.

Terdapat juga kes-kes yang melibatkan pembahagian harta pusaka ke atas ahli-ahli waris yang tidak sempurna keahliannya. Ini termasuklah kes pembahagian harta yang melibatkan ahli waris yang masih di bawah umur mengikut Akta Umur Dewasa 1971, ahli waris yang mengalami kecacatan akal mengikut Ordinan Cacat Akal 1952, ahli waris yang hilang dan ahli-ahli waris yang terhalang daripada menerima tanah pusaka kerana terdapat sekatan undang-undang seperti ahli waris bukan warganegara Malaysia atau ahli waris bukan Melayu. Bagi menjamin hak mereka sebagai ahli waris, pembahagiannya akan dilakukan mengikut kaedah *farā'id*. Dalam kes seperti ini, seorang Pemegang Amanah akan dilantik sama ada dari kalangan ahli waris sendiri atau Amanah Raya Berhad ke atas bahagian mereka sehingga mereka mencapai keahlian sempurna¹³. Walau bagaimanapun, ahli-ahli waris yang sempurna keahliannya boleh memilih kaedah pembahagian yang dipersetujui mereka sama ada kaedah pembahagian secara *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (*muafakat*).

Ini dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Mustakim @ Hj. Mustakim bin Hj. Abd. Rahim* (si mati)¹⁴. Mengikut rekod perbicaraan, si mati telah meninggalkan seramai 7 ahli waris (6 anak lelaki di mana 3 daripadanya masih di bawah umur dan seorang balu). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 510. Mukim Air Hitam Muar. Dalam perbicaraan tersebut, Pegawai Pentadbir Pusaka telah mengeluarkan perintah pembahagian kepada 3 ahli waris yang masih di bawah umur menaikut kaedah *farā'id*. Manakala ahli-ahli waris yang lain telah bersetuju membahagikan bahagian yang diperolehi dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat). Pegawai Pentadbir Pusaka juga melantik salah seorang di kalangan ahli waris iaitu Abd. Kadir Jelani bin Mustakim @ Hj. Mustakim sebagai Pemegang Amanah kepada bahagian ahli-ahli waris yang masih di bawah umur. Walau bagaimanapun, pada 25 Oktober 1961, satu perintah ulangbicara telah diadakan untuk menyerahkan semua bahagian ahli-ahli waris tersebut memandangkan mereka telah mencapai umur dewasa¹⁵.

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Awn bte Ma'arof* (si mati)¹⁶. Mengikut rekod perbicaraan, si mati telah meninggalkan seorang ahli waris perempuan dewasa yang merupakan warganegara Singapura. Beliau mempunyai 2 keping tanah pertanian bertempat di Lot 1985 dan Lot 2215. Mukim Kesang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, Pegawai Pentadbir

Pusaka telah mengeluarkan perintah pembahagian menikut kaedah *farā'id* dan melantik dirinya sebagai Pemegang Amanah kepada bahagian ahli waris tersebut. Ini kerana terdapat sekatan undang-undang sepertimana yang diberuntukkan dalam seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992¹⁷, yang menghalang sebarang pindahmilik tanah si mati kepada bukan warganegara Malaysia kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri. Setelah mendapat kebenaran bertulis, satu perintah ulangbicara akan diadakan untuk menyerahkan semua bahagian ahli waris tersebut.

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Nah bte Sam* (si mati)¹⁸. Mengikut rekod perbicaraan, si mati telah meninggalkan seramai 3 ahli waris dewasa (seorang lelaki dan 2 perempuan). Salah seorang daripada ahli waris perempuan adalah warganegara Singapura. Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 810, Mukim Sungai Terap Muar. Dalam perbicaraan tersebut, Pegawai Pentadbir Pusaka telah mengeluarkan perintah pembahagian menikut kaedah *farā'id* dan melantik salah seorang di kalangan ahli waris sebagai Pemegang Amanah kepada bahagian ahli waris tersebut. Ini kerana terdapat sekatan undang-undang sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992¹⁹. Manakala ahli-ahli waris yang lain bersetuju membahagikan bahagian yang diperolehi dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris

perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat).

Manakala kaedah pembahagian melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) pula dilakukan dengan beberapa cara sama ada harta-harta tersebut akan dibahagikan dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan atau dengan cara menyerahkan harta tersebut kepada salah seorang di kalangan ahli-ahli waris atau menyerahkannya kepada ahli-ahli waris yang lain²⁰.

Kaedah pembahagian dengan cara membahagikan harta tersebut dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan waris perempuan ini dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Busro bin Hj. Abd. Rahim (si mati)*²¹. Menaikut rekod perbicaraan, si mati meninggalkan 8 ahli waris dewasa (3 anak lelaki, 4 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah pertanian bertempat di Lot 845 dan Lot 846, Mukim Air Hitam Muar dengan keluasan 8 ekar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan semua tanah-tanah tersebut dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan. Setiap seorang di kalangan ahli waris memberolehi 1/8 daripada jumlah keluasan tanah tersebut.

Manakala kaedah pembahagian dengan cara menyerahkan harta tersebut kepada salah seorang di kalangan ahli waris pula, dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta

Haji Siraj bin Haji Ghani (si mati)²². Menaikut rekod perbicaraan, si mati meninggalkan seramai 13 ahli waris dewasa (6 anak lelaki dan 7 anak perempuan). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 2077, Mukim Gersik Muar dengan keluasan 2 ekar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menverahkan tanah tersebut kepada salah seorang di kalangan mereka.

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Rashidi bin Kromo* (si mati)²³. Menaikut rekod perbicaraan, si mati meninggalkan seramai 4 ahli waris dewasa (2 anak lelaki dan 2 anak perempuan). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di EMR 1992, Mukim Seri Menanti Muar dengan keluasan 3 ekar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menverahkan tanah tersebut kepada salah seorang di kalangan mereka.

Manakala kaedah pembahagian dengan cara menverahkan harta tersebut kepada ahli-ahli waris yang lain, dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Isnin bin Ismail* (si mati)²⁴. Dalam kes ini, si mati meninggalkan seramai 9 ahli waris dewasa (6 anak lelaki, 2 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah pertanian bertempat di EMR 116 dan EMR 128, Mukim Jorak Muar dan wang simpanan berjumlah RM14,358.60. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menverahkan tanah

tersebut kepada ahli-ahli waris lelaki sahaja. Manakala bagi wang simpanan pula, mereka bersetuju menverahkan kepada salah seorang di kalangan mereka (balu si mati).

4.2.2 Harta Yang Ditadbir oleh Agensi Kerajaan

Pada asasnya, kaedah pembahagian harta pusaka bagi harta-harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan di daerah ini sama ada di kawasan Tanah Rancangan Felda, Tanah Felcra dan Tanah Rancangan Berkelompok adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 sama ada tanah tersebut telah dikeluarkan hakmilik atau sebaliknya²⁵. Sebarang penurunan hakmilik tanah hendaklah dilakukan dengan melantik seorang penganti yang dipilih di kalangan ahli keluarga si mati dan didaftarkan di bawah Daftar Pegangan²⁶. Ini memandangkan terdapat sekatan undang-undang di mana tanah tersebut tidak boleh dimiliki secara beramai-ramai seperti mana tanah yang dimiliki secara persendirian.

Dalam melaksanakan pembahagian pusaka ke atas tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Islam yang menjadi ahli waris di Daerah Muar, mereka diberi hak untuk memilih kaedah pembahagian yang dipersetujui mereka sama ada kaedah pembahagian secara *farā'id* iaitu dengan berdasarkan Sijil Akuan Faraid daripada Mahkamah Syariah mengikut bahagian masing-masing atau kaedah persetujuan bersama (muafakat)²⁷. Tetapi dalam melaksanakan kaedah *farā'id* ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan, ia dilakukan di atas budi

bicara Pegawai Pentadbir Pusaka. Ini memandangkan tanah-tanah tersebut tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelombong) 1960 yang mendhalang sebarang pemilikan secara beramai-ramai atau melakukan pecahtan ke atas tanah tersebut. Setelah mereka memilih kaedah pembahagian tersebut, satu perintah pembahagian akan diluarkan oleh Pegawai Pentadbir Pusaka dengan memasukkan nama ahli waris tersebut sebagai pemilik baru ke dalam Daftar Pegangan tersebut.

Melalui kaedah pembahagian secara *farā'īd*, tanah tersebut hendaklah dijual kepada penganti yang dilihat atau di kalangan ahli-ahli waris lain yang berkemampuan sekiranya pengganti itu tidak mampu. Penjualannya hendaklah dibuat mengikut nilai pasaran semasa. Setelah ditolak dengan segala tanggungan dan hutang si mati, hasil jualan tanah tersebut akan dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak menaikut kaedah *farā'īd*²⁸.

Kaedah pembahagian secara *farā'īd* ini dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Hassan bin Hj. Salleh* (si mati)²⁹. Mengikut rekod perbicaraan, si mati merupakan seorang peneroka di Felda Sri Jaya, Mukim Bukit Serambang, Muar. Beliau meninggalkan seramai 13 ahli waris dewasa (4 anak lelaki, 8 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah bertempat di Lot 2396 dan Lot 2397.

Mukim Bukit Serampang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju meniualkan tanah tersebut kepada pengganti yang dipilih menaikut nilai basaran semasa. Hasil jualan tanah tersebut kemudiannya dibahagikan kepada ahli-ahli waris menaikut kaedah *farā'id*.

Melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) bula tanah tersebut hendaklah diserahkan kepada salah seorang di kalangan mereka³⁰. Biasanya, tanah tersebut akan diserahkan kepada balu si mati atau salah seorang di kalangan ahli waris yang berkemampuan untuk mengusahakan tanah tersebut. (Sila lihat lampiran U).

Kaedah pembahagian melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) ini dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Kudin bin Hitam* (si mati)³¹. Dalam kes ini, si mati merupakan seorang peneroka di Felda Sri Java, Mukim Bukit Serampang, Muar. Beliau meninggalkan seramai 9 ahli waris dewasa (7 anak lelaki, seorang perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah bertempat di Lot 5108 dan Lot 5964, Mukim Bukit Serampang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menyerahkan tanah tersebut kepada balu si mati.

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Ismail bin Hitam* (si mati)³². Mengikut rekod perbicaraan, si mati merupakan seorang peneroka di Felda Sri Ledang, Mukim Bukit

Serampang, Muar. Beliau meninggalkan seramai 7 ahli waris dewasa (6 anak lelaki dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah bertempat di Lot 3455 dan Lot 3456. Mukim Bukit Serampang Muar dan wang simpanan berjumlah RM11,779.07. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menyerahkan tanah tersebut kepada balu si mati. Namun bagi wang simpanan pula, mereka bersetuju membahagikan dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan. Setiap seorang di kalangan mereka mendapat 1/7 bahagian atau RM1,682.73.

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Jam-rood bin Samuri* (si mati)³³, Mengikut rekod perbicaraan, si mati merupakan seorang peneroka di Felda Sri Java, Mukim Bukit Serampang, Muar. Beliau meninggalkan seramai 11 ahli waris dewasa (5 anak lelaki, 5 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah bertempat di Lot 2208 dan Lot 2209, Mukim Bukit Serampang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menyerahkan tanah tersebut kepada balu si mati.

Walau bagaimanapun, sekiranya ahli-ahli waris tidak mencapai persetujuan dalam memilih sesuatu kaedah pembahagian sama ada kaedah *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat) di atas, biasanya seorang Pemedang Amanah akan dilantik dari kalangan ahli waris yang dipilih semasa bica-

rakuasa di hadapan penyelia tanah rancangan masina-masina. Sebagai Pemegang Amanah, ia akan menguruskan hal ehwal berkaitan dengan tanah si mati dan membahagikan hasil pendapatan daripada tanah tersebut kepada ahli-ahli waris yang berhak mengikut kaedah yang dipersetuiui mereka sama ada kaedah *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat)³⁴.

Ini dapat dilihat dalam kes perbicaraan ke atas harta *Ma'elah bin Manlod* (si mati)³⁵. Menurut rekod perbicaraan, si mati merupakan seorang peneroka di Felda Sri Java. Mukim Bukit Serampang, Muar. Beliau meninggalkan seramai 6 ahli waris dewasa (3 anak lelaki, 2 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 3 keping tanah bertempat di Lot 5612, Lot 5613 dan Lot 5895, Mukim Bukit Serampang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir tetapi tidak dapat menentukan kaedah pembahagian ke atas tanah tersebut. Pegawai Pentadbir Pusaka kemudiannya melantik salah seorang dari kalangan mereka sebagai Pemegang Amanah ke atas tanah tersebut. Sebagai Pemegang Amanah, ia akan membahagikan hasil pendapatan daripada tanah tersebut dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat). Setiap seorang di kalangan mereka akan mendapat 1/6 daripada jumlah hasil pendapatan yang diperolehi daripada tanah tersebut.

Begitu juga, dalam kes perbicaraan ke atas harta

menentukan kaedah pembahagian ke atas tanah tersebut. Sebagai Pemegang Amanah, ia akan membahagikan hasil pendapatan daripada tanah tersebut dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan. Setiap seorang di kalangan mereka akan mendapat 1/10 daripada jumlah hasil pendapatan yang diperolehi dari pada tanah tersebut.

Setelah semua ahli waris bersetuju menentukan kaedah pembahagian ke atas tanah tersebut. satu perintah ulangbicara akan dikeluarkan mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dengan memasukkan nama ahli waris yang dipilih sebagai pemilik baru di bawah Daftar Pegangan.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas. terdapat dua kaedah pembahagian yang digunakan bagi menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di daerah ini. Kaedah pembahagian tersebut ialah kaedah pembahagian secara *farā'id* dan kaedah persetujuan bersama (muafakat). Ia meliputi ke atas harta yang dimiliki secara persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi keraiaan.

Dalam melaksanakan kaedah pembahagian ke atas harta milik persendirian sama ada harta alih atau harta tak alih. penulis tidak melihat suatu kerumitan sama ada di sudut perundangan seperti Akta dan peraturan yang diterimabakai ataupun undang-undang syariah. Ini memandangkan harta tersebut merupakan harta yang dimiliki secara mutlak oleh pem-

liknya. Di samping itu, harta tersebut juga tidak tertakluk kepada mana-mana sekatan di segi Akta dan peraturan.

Tetapi dalam melaksanakan kaedah pembahagian ke atas harta yang ditadbir oleh agensi keraiaan, penulis mendapati terdapat sekatan di sudut perundangan di mana tanah tersebut tertakluk di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Dengan adanya sekatan ini, pembahagian pusaka ke atas tanah tersebut tidak boleh dilakukan sebagaimana ke atas tanah milik persendirian sehingga Pihak Berkuasa Negeri membatalkan perwartaan di bawah peruntukan Akta tersebut di dalam warta keraiaan negeri. Sekatan ini termasuklah memasukkan nama lebih dariada seorang di bawah Daftar Pegangan (pemilikan secara beramai-ramai) atau melakukan pecah hakmilik ke atas tanah tersebut. Walau bagaimanapun, kaedah pembahagian pusaka masih boleh dilakukan ke atas tanah tersebut sebagaimana tanah milik persendirian. Ia dilakukan sama ada melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) iaitu dengan cara menverahkannya kepada salah seorang di kalangan ahli waris atau melalui kaedah *farā'id* iaitu dengan menjual tanah tersebut kepada pengantin yang dipilih atau di kalangan ahli-ahli waris yang berkemampuan. Setelah ditolak segala tanggungan dan hutang si mati, hasil jualan tanah tersebut akan dibahagikan secara *farā'id* kepada semua ahli waris yang berhak. Namun, pemilihan kaedah pembahagian yang sesuai di kawasan tanah-tanah yang ditadbir

oleh agensi kerajaan ini bergantung kepada persetujuan di kalangan ahli-ahli waris sendiri.

4.3 Analisis Kaedah Pembahagian dan Sebab-sebabnya

Dalam menganalisis kaedah pembahagian pusaka, penulis telah membuat satu analisis secara rawak mudah ke atas keskes tuntutan pembahagian yang dilakukan oleh Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar. Analisis ini melibuti ke atas harta milik persendirian termasuklah harta alih dan harta tak alih dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Ia bertujuan untuk memperlihatkan sejauhmana kaedah pembahagian diamalkan oleh masyarakat Islam di daerah ini dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka.

Sebanyak 350 kes tuntutan pembahagian telah dipilih secara rawak untuk dianalisis. Ia merangkumi 300 kes tuntutan pembahagian ke atas harta milik persendirian dan 50 kes ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Analisis ini dilakukan ke atas perintah pembahagian yang dikeluarkan melalui borang E (perintah pembahagian) oleh Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar untuk tempoh 6 bulan pertama (Januari hingga Jun) bagi tahun 1991-95.

4.3.1 Harta Milik Persendirian

Berdasarkan analisis yang dilakukan ke atas harta milik persendirian, jumlah ahli waris yang memilih kaedah *farā'id* dalam pembahagian harta pusaka adalah terlalu kecil jika

dibandingkan dengan kaedah persetujuan bersama (muafakat). Ini dapat dilihat dari jadual tiga seperti di bawah.

JADUAL 3

ANALISIS KAEDAH PEMBAHAGIAN PUSAKA
BAGI HARTA MILIK PERSENDIRIAN
UNTUK TEMPOH JANUARI SEHINGGA JUN BAGI TAHUN 1991-95

Tahun	Jumlah kes	KF	KPB
1991	60 (100.00)	11 (18.33)	49 (81.67)
1992	60 (100.00)	10 (16.67)	50 (83.33)
1993	60 (100.00)	14 (23.34)	46 (76.66)
1994	60 (100.00)	19 (31.67)	41 (68.33)
1995	60 (100.00)	23 (38.33)	37 (61.67)
Jumlah/ (Purata)	300 (100.00)	77 (25.67)	223 (74.33)

Keterangan: KF - Kaedah *Farā'id*.

KPB - Kaedah Persetujuan Bersama (muafakat).
Dalam kurungan - menunjukkan peratus.

* sumber: Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar 1997.

Jadual di atas menunjukkan bahawa pemilihan kaedah persetujuan bersama (muafakat) dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka ke atas harta milik persendirian di daerah ini jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 74.33 peratus berbanding dengan kaedah *farā'id* yang hanya 25.67 peratus. Jumlah peratusan ini menunjukkan sebahagian besar masvarakat Islam di daerah ini telah menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka ke atas harta milik persendirian dengan mengaku-

nakan kaedah pembahagian tersebut berbanding kaedah *farā'id*.

Di samping itu, berdasarkan pengamatan penulis sendiri. kaedah pembahagian ke atas harta-harta alih seperti tapak dan rumah kediaman si mati biasanya menggunakan kaedah persetujuan bersama (muafakat) dengan menverahkan harta tersebut kepada balu si mati. Manakala kaedah pembahagian ke atas harta-harta alih seperti kenderaan. pembahagiannya juga dilakukan melalui kaedah vanor sama iaitu dengan menyerahkan kenderaan tersebut kepada ahli waris vanor tidak mampu memiliki kenderaan³⁸. Tetapi, bagi harta-harta alih yang lain seperti wang simpanan. saham-saham amanah dan sebagainya, biasanya sesuatu kaedah pembahagian itu ditentukan dengan bergantung kepada nilai harta alih vanor ditinggalkan oleh si mati. Sekiranya jumlah vanor ditinggalkan itu sedikit, pembahagiannya akan dilakukan menaikut kaedah persetujuan bersama (muafakat). Tetapi sekiranya jumlah yang ditinggalkan itu banyak. pembahagiannya akan dilakukan mengikut kaedah *farā'id*.

Contohnya, dalam kes pembahagian ke atas harta *Isnin bin Ismail* (si mati)³⁹. Dalam kes ini. si mati meninggalkan seramai 9 ahli waris dewasa (6 anak lelaki. 2 anak perempuan dan seorang balu). Beliau telah meninggalkan wang simpanan berjumlah RM14,358.60 dan 2 kepimpinan tanah pertanian bertempat di EMR 116 dan EMR 128, Mukim Jorak Muar. Dalam perbicaraan

tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju menyerahkan wang simpanan tersebut balu si mati melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat). Manakala tanah pula, mereka bersetuju menyerahkan kepada ahli-ahli waris lelaki melalui kaedah pembahagian yang sama.

Begitu juga, dalam kes pembahagian ke atas harta *Ismail bin Hitam* (si mati)⁴⁰. Dalam kes ini, si mati meninggalkan seramai 7 ahli waris dewasa (6 anak lelaki dan seorang balu). Beliau telah meninggalkan wang simpanan berjumlah RM11,779.07 dan 2 keping tanah pertanian bertempat di Lot 3455 dan Lot 3456, Mukim Bukit Serambang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan wang simpanan si mati dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat). Setiap seorang di kalangan mereka mendapat 1/7 bahagian atau RM1.682.73. Manakala tanah pula, mereka bersetuju menyerahkan kepada balu si mati melalui kaedah pembahagian yang sama.

Dalam menyelesaikan kes pembahagian ke atas nilai harta alih yang banyak pula dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Kajad bin Abd. Majid* (si mati)⁴¹. Dalam kes ini, si mati meninggalkan seramai 7 ahli waris dewasa (seorang anak lelaki, 5 anak perempuan dan seorang balu). Beliau telah meninggalkan wang simpanan berjumlah RM43,327.54, sebuah kereta dan 3 keping tanah pertanian bertempat di EMR

437, EMR 438 dan MG 244, Mukim Sungai Rawa Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli-ahli waris telah hadir dan bersetuju membahagikan wang simpanan tersebut menikut kaedah *farā'id*. Namun bagi kereta dan tanah ular, mereka bersetuju membahagikan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat).

4.3.1.1 Sebab-sebab pemilihan kaedah pembahagian

Mengikut pengamatan penulis, dalam menyelesaikan urusan pembahagian ke atas harta milik versendirian, terdapat beberapa faktor yang menjadi kecenderungan ahli waris untuk memilih sesuatu kaedah sama ada kaedah *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat). Pengamatan ini berdasarkan kepada rekod perbicaraan, temubual penulis dengan beberapa ahli waris yang terlibat di samping pengamatan penulis sendiri terhadap perbicaraan yang berlaku.

Pemilihan kaedah *farā'id* dalam urusan pembahagian harta pusaka biasanya, timbul dari rasa kesedaran dan keinsafan ahli-ahli waris sendiri terhadap kaedah pembahagian yang disediakan oleh Allah s.w.t. Mereka menerima hakikat bahawa terdapat perbezaan kadar pembahagian yang diterima di antara satu sama lain terutama di kalangan ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan walaupun harta yang ditinggalkan oleh si mati itu kecil atau sedikit. Perbezaan kadar pembahagian ini tentunya mengandungi rahmat dan hikmatnya kerana kaedah

pembahagian tersebut ditetapkan oleh Allah s.w.t⁴².

Contohnya, dalam menyelesaikan kes pembahagian ke atas harta *Dasiman Hj. Mahmud* (si mati)⁴³. Dalam kes ini, si mati meninggalkan seramai 7 ahli waris dewasa (4 anak lelaki, seorang perempuan dan 2 orang balu). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 5870. Mukim Sungai Balang Muar dengan keluasan 2 ekar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli-ahli waris bersetuju membahagikan tanah tersebut mengikut kaedah *farā'id*. Berdasarkan Sijil Akuan Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, 2 orang balu mendapat 36/252 bahagian tanah atau 18 bahagian setiap seorang, 4 waris lelaki mendapat 224/252 bahagian tanah atau 56 bahagian setiap seorang dan seorang waris perempuan mendapat 28/252 bahagian tanah. Berdasarkan kepada kaedah pembahagian tersebut, setiap ahli waris akan menerima jumlah keluasan tanah yang kecil.

Di samping itu, pemakaian kaedah ini juga dilakukan ke atas ahli-ahli waris yang tidak sempurna keahliannya. Ini termasuklah ahli-ahli waris yang masih di bawah umur dewasa dan ahli-ahli waris yang terhalang daripada menerima tanah pusaka kerana terdapat sekatan undang-undang seperti ahli waris bukan warganegara Malaysia. Bagi menjamin hak mereka sebagai ahli waris, pembahagiannya dilakukan mengikut *farā'id* iaitu berdasarkan Sijil Akuan Faraid yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Dalam kes seperti ini, setiap

ahli waris tersebut akan memperolehi kadar bahagian masing-masing berdasarkan nilai mengikut ketetapan syarak⁴⁴.

Contoh pembahagian harta pusaka ke atas ahli-ahli waris yang masih di bawah umur dewasa dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Mustakim @ Hj. Mustakim bin Hj. Abd. Rahim* (si mati)⁴⁵. Dalam kes ini, si mati telah meninggalkan seramai 7 ahli waris (6 anak lelaki di mana 3 daripadanya masih di bawah umur dan seorang balu). Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian bertempat di Lot 510, Mukim Air Hitam Muar. Dalam perbicaraan tersebut, Pegawai Pentadbir Pusaka telah mengeluarkan perintah pembahagian kepada 3 ahli waris lelaki yang masih di bawah umur mengikut kaedah *farā'id*. Bagi menguruskan bahagian mereka, Pegawai Pentadbir Pusaka telah melantik salah seorang di kalangan ahli waris iaitu Abd. Kadir Jelani bin Mustakim @ Hj. Mustakim sebagai Pemegang Amanah. Manakala pembahagian ke atas ahli-ahli waris yang lain dilakukan dengan membahagikan bahagian yang diperolehi dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat). Walau bagaimanapun, pada 25 Oktober 1961, satu perintah ulangbicara telah diadakan untuk menyerahkan semua bahagian ahli-ahli waris tersebut memandangkan mereka telah mencapai umur dewasa⁴⁶.

Pembahagian harta pusaka yang melibatkan ahli waris

bukan warganegara Malaysia pula dapat dilihat dalam kes pembahagian ke atas harta *Nah bte Sam* (si mati)⁴⁷. Dalam kes ini, si mati telah meninggalkan seramai 3 orang ahli waris dewasa (seorang lelaki dan 2 perempuan). Salah seorang daripada ahli waris perempuan tersebut merupakan warganegara Singapura. Beliau mempunyai sekeping tanah pertanian ber-tempat di 810, Mukim Sungai Terap Muar. Dalam perbicaraan tersebut, Pegawai Pentadbir Pusaka telah mengeluarkan berintah pembahagian mengikut kaedah *farā'id* dan melantik salah seorang di kalangan ahli waris sebagai Pemedana Amanah kepada bahagian ahli waris tersebut. Ini kerana terdapat sekatan undang-undang seperti mana yang diberuntukkan di dalam seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992⁴⁸. Manakala ahli-ahli waris yang lain telah bersetuju membahagikan bahagian yang diperolehi dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat).

Manakala pemilihan kaedah persetujuan bersama (muafakat) dalam urusan pembahagian ke atas harta milik persendirian pula didorong oleh beberapa faktor tertentu iaitu:

- a). Kurang kefahaman di kalangan ahli-ahli waris tentang kaedah *farā'id*. Ini menyebabkan mereka enggan menerima kenyataan tentang perbezaan kadar yang diterima terhadap ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan.

b). Sikap ahli waris untuk memilih ialan mudah dan cepat dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka. Ini memandangkan pembahagian melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) hanya perlu kepada persetujuan di kalangan ahli-ahli waris sendiri tanpa memerlukan kepada Sijil Akuan Faraid daripada Mahkamah Syariah.

c). Ahli waris tidak memerlukan kepada bahagian pusaka yang diperolehinya dan menyerahkan kepada ahli-ahli waris yang lebih memerlukan. Ini berdasarkan kepada jumlah harta dan keluasan tanah yang ditinggalkan oleh si mati.

d). Sebagai tanda kasih sayang dan penghargaan ahli-ahli waris kepada ahli waris yang lain terutama bala si mati. Ini bertujuan memberi kemudahan kepada bala tersebut dalam menghabiskan usia tua.

4.3.2 Harta yang ditadbir oleh Agensi Kerajaan

Berdasarkan analisa yang dilakukan ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan, jumlah ahli waris yang memiliki menggunakan kaedah *farā'id* dalam pembahagian harta pusaka adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan kaedah persetujuan bersama (muafakat). Ini dapat dilihat dari jadual keempat seperti di bawah.

JADUAL 4

ANALISIS KAEDAH PEMBAHAGIAN PUSAKA
BAGI HARTA YANG DITADBIR OLEH AGENSI KERAJAAN
UNTUK TEMPOH JANUARI SEHINGGA JUN BAGI TAHUN 1991-95

Tahun	Jumlah kes	KF	KPB	PA
1991	10 (100)	--	4 (40)	6 (60)
1992	10 (100)	--	3 (30)	7 (70)
1993	10 (100)	--	3 (30)	7 (70)
1994	10 (100)	--	4 (40)	6 (60)
1995	10 (100)	1 (10)	3 (30)	6 (60)
Jumlah/ (Purata)	50 (100)	1 (02)	17 (34)	32 (64)

Keterangan: KF - Kaedah *Farā'id*.

KPB - Kaedah Persetujuan Bersama (muafakat)

PA - Kes yang tidak dapat diputuskan kaedah pembahagian dan melantik Pemegang Amanah.

Dalam kurungan - menunjukkan peratus.

* sumber: Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar 1997.

Jadual di atas menunjukkan bahawa pemilihan kaedah persetujuan bersama (muafakat) dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan di daerah ini jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 34 peratus berbanding dengan kaedah pembahagian secara *farā'id* yang hanya 2 peratus. Jumlah peratusan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat Islam di daerah ini telah memilih kaedah tersebut dalam menyelesaikan urusan

pembahagian harta pusaka ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan.

Di samping itu, jadual di atas juga menunjukkan bahawa sebahagian besar masyarakat Islam di daerah ini tidak dapat memilih kaedah pembahagian yang dipersestuiui mereka sama ada kaedah pembahagian secara *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (*muafakat*). Ini memandangkan sebanyak 64 peratus daripada jumlah kes yang dipilih dalam tempoh tersebut telah memutuskan kes tuntutan pembahagian tersebut dengan melantik salah seorang di kalangan ahli waris sebagai Pemegang Amanah ke atas tanah tersebut.

4.3.2.1 Sebab-sebab pemilihan kaedah pembahagian

Mengikut pengamatan penulis, dalam menyelesaikan urusan pembahagian ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan di daerah ini, terdapat beberapa faktor yang menjadi kecenderungan ahli waris untuk memilih sesuatu kaedah sama ada kaedah *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (*muafakat*). Pengamatan ini berdasarkan kepada rekod perbicaraan dan temubual penulis dengan beberapa ahli waris yang terlibat.

Pemilihan kaedah *farā'id* dalam urusan pembahagian harta pusaka biasanya, timbul dari rasa kesedaran dan keinsafan ahli-ahli waris sendiri terhadap kaedah pembahagian yang disediakan oleh Allah s.w.t. Bagi memenuhi peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelom-

pok) 1960, ahli-ahli waris bersetuju meniualkan tanah tersebut kepada salah seorang di kalangan mereka. Setelah ditolak segala tanggungan dan hutang si mati. hasil jualan tanah tersebut akan dibahagikan kepada setiap ahli waris yang berhak mengikut kaedah *farā'id*. Setiap ahli waris akan menerima bahagian masing-masing berdasarkan Sijil Akuan Faraid yang diperolehi daripada Mahkamah Syariah.

Contohnya, dalam kes pembahagian ke atas harta *Hassan bin Hj. Salleh* (si mati)⁴⁹, Mengikut rekod perbicaraan, si mati meninggalkan seramai 13 ahli waris dewasa (4 anak lelaki, 8 anak perempuan dan seorang balu). Beliau mempunyai 2 keping tanah bertempat di Lot 2396 dan lot 2397. Mukim Bukit Serampang Muar. Dalam perbicaraan tersebut, semua ahli waris telah hadir dan bersetuju meniualkan tanah tersebut kepada pengganti yang dipilih menaikut nilai dasaran semasa. Hasil jualan tanah tersebut kemudiannya dibahagikan kepada semua ahli waris yang berhak menaikut kaedah *farā'id*.

Manakala pemilihan kaedah persetujuan bersama (muafakat) dalam urusan pembahagian ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan pula didorong oleh beberapa faktor tertentu iaitu:

- a). Sekatan undang-undang di mana tanah tersebut tidak

boleh dimiliki secara beramai-ramai atau melakukan pecaah hakmilik ke atas tanah tersebut. Perkara ini telah diberuntukkan dalam seksyen 14, 15 dan 16. Akta Tanah (kawasan Penempatan Berkelompok) 1960⁵⁰.

b). Sebagai tanda kasih sayang dan penghargaan ahli-ahli waris kepada bala si mati. Ini memandangkan bala merupakan orang yang mempunyai hubungan sangat rapat dengan si mati di samping bersama-sama si mati berusaha membangun dan memajukan tanah tersebut.

c). Ahli waris tidak memerlukan kepada bahagian pusaka yang diperolehinya. Ini memandangkan sebahagian daripada mereka telah memiliki pekerjaan sendiri dan pendapatan yang mencukupi.

Di samping itu, terdapat beberapa faktor yang membawa ruhi sebahagian besar masyarakat Islam di daerah ini untuk memutuskan kes tuntutan pembahagian tersebut dengan melantik salah seorang di kalangan ahli waris sebagai Pemegang Amanah ke atas tanah tersebut. Pada pengamatan penulis, faktor-faktor tersebut antaranya,

a). Kesukaran untuk menentukan kaedah pembahagian. Ini memandangkan tanah tersebut tertakluk kepada sekatan undang-undang yang menetapkan tanah tersebut mestilah diserahkan kepada salah seorang di kalangan ahli waris untuk didaf-

tarkan di bawah Daftar Pegangan.

b). Mempertahankan hak mereka sebagai ahli waris. Dengan melantik seorang Pemegang Amanah, hak mereka sebagai ahli waris ke atas tanah tersebut masih terjamin berbanding dengan menyerahkannya kepada salah seorang di kalangan mereka. Di samping itu, mereka juga akan menerima bahagian pusaka hasil pendapatan daripada tanah tersebut menaikut kaedah pembahagian yang dipersekutui sama ada kaedah *farā'id* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat). Sekiranya tanah tersebut diserahkan kepada salah seorang di kalangan mereka melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat), pembahagian yang diperolehi hukianlah suatu kewajiban sebagaimana pembahagian pusaka tetapi tidak lebih daripada pemberian ihsan daripada ahli waris yang dibilih. Ini disebabkan mereka telah bersetuju menyerahkan semua bahagian pusaka yang diperolehi kepada ahli waris tersebut.

Walau bagaimanapun, perlantikan seorang Pemegang Amanah merupakan langkah penyelesaian sementara ke atas tanah tersebut. Ahli-ahli waris mestilah membuat suatu keputusan yang tepat bagi menyelesaikan masalah ini agar usaha membangunkan tanah tersebut tidak tergendala di samping tidak menimbulkan kesan-kesan negatif dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka. Justeru itu, dalam tempoh tersebut, mereka diberi hak sepenuhnya untuk menentukan kaedah pembah-

hagian yang dipersetujui ke atas tanah si mati.

Setelah ahli-ahli dapat menentukan sesuatu kaedah pembahagian yang dipersetujui, satu perintah ulanabicara mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 akan dikeluarkan bagi memasukkan nama ahli waris tersebut sebagai pemilik baru di bawah Daftar Pegangan.

4.4 Permasalahan Dalam Menyelesaikan Urusan Pembahagian Harta Pusaka di Daerah Muar

Tidak dinafikan, terdapat beberapa masalah dihadapi dalam mengendalikan urusan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar. Mengikut kajian penulis, permasalahan ini berpunca daripada tiga faktor berikut iaitu masalah di kalangan ahli waris, masalah pentadbiran dan masalah perundangan.

4.4.1 Masalah di kalangan ahli waris

Di antara masalah terbesar dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar ialah masalah di kalangan ahli waris sendiri. Antaranya,

- a). Mereka tidak dapat memahami kepentingan pembahagian harta tersebut. Akibatnya, timbulah beberapa masalah seperti kelewatan membuat tuntutan pembahagian, sikap sambil lewa dan tidak mengambil berat tentang urusan pembahagian harta tersebut.

b). Ahli waris kurang berpendekatuan mengenai penyelesaian harta pusaka. Akibatnya, mereka tidak mengetahui cara-cara untuk membuat tuntutan pembahagian, menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan ketika membuat tuntutan pembahagian, cara-cara mendapatkan surat kuasa, membuat tuntutan secara berasingan dan sebagainya.

c). Tidak menghadiri perbicaraan menaikut masa, tarikh dan tempat yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah. Akibatnya, sesuatu perbicaraan terpaksa ditangguhkan sehingga beberapa kali. Secara tidak langsung, perbuatan ini mengganggu perbicaraan yang dijalankan dan menimbulkan kesukaran kepada ahli-ahli waris yang lain untuk menghadiri perbicaraan semula.

d). Sikap mementingkan diri sendiri dengan menetapkan hak pembahagian masing-masing. Akibatnya, berlaku berteling-kahan di kalangan ahli waris, cuba menchilangkan dokumen-dokumen yang diperlukan dan tidak memasukkan harta-harta si mati dalam tuntutan pembahagian.

4.4.2 Masalah Pentadbiran

Selain daripada itu, dalam mengendalikan urusan pentadbiran harta pusaka di daerah ini terdapat beberapa masalah yang melibatkan urusan pentadbiran pusaka. Antaranya,

a). Terdapat terlalu banyak agensi yang terlibat dalam urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka sama ada agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri atau kerajaan pusat. Akibatnya, semasa membuat tuntutan permohonan. pihak yang berkepentingan terhadap harta si mati seperti ahli-ahli waris sendiri atau lain-lainnya terpaksa melalui beberapa prosedur tertentu sebelum proses penurunan hakmilik dapat dilakukan. Ini menyebabkan setiap tuntutan permohonan terpaksa mengambil masa yang lama bagi menyelesaikan urusan pembahagian harta tersebut.

b). Kelewatan pihak Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam memberikan pengesahan melalui (*Notice of Application*) iaitu bagi memastikan tiada tuntutan yang sama dikemukakan terhadap harta si mati. Kelewatan ini mendakibatkan kelewatan pihak-pihak yang terlibat dalam mendandalikan urusan pembahagian harta pusaka di mana mereka terpaksa menunggu pengesahan tersebut sebelum meneruskan prosedur pembahagian ke atas harta tersebut.

c). Jumlah caj yang dikenakan oleh Amanah Raya Berhad agak membebankan sesetengah ahli waris. Bagi ahli waris yang menggunakan perkhidmatan ini. ia akan dikenakan sejumlah bayaran dan kos perkhidmatan dengan kadar yang tinggi. Kadar sebanyak 1.5 peratus akan dikenakan bagi harta pusaka kecil dan 4 peratus dikenakan bagi harta pusaka terus dan

harta pusaka biasa⁵¹. Akibatnya, kadar yang ditetapkan ini menimbulkan masalah terutama kepada ahli-ahli waris miskin dan tidak berupaya.

4.4.3 Masalah Perundangan

Tidak dinafikan juga, salah satu masalah yang timbul dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di daerah ini berpunca daripada masalah undang-undang. Antaranya,

a). Tidak terdapat peruntukan khusus yang membolehkan urusan pembahagian harta orang-orang Islam dikendalikan sepenuhnya oleh Mahkamah Syariah. Ini memandangkan Mahkamah Syariah diberi bidangkuasa yang terhad iaitu untuk menesahkan ahli-ahli waris yang berhak dan bahagian mereka menaikut *farā'id*⁵². Lain-lain bidangkuasa terletak di bawah Mahkamah Sivil⁵³. Kedudukan ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan ahli-ahli waris dalam membuat tuntutan pembahagian ke atas harta tersebut. Ini dapat dilihat dalam kes perbincaraan *Jumaaton dan Raja Delila lawan Raja Hizaruddin* yang melibatkan masalah pembahagian ke atas harta *Raja Nona Chik bin Raja Ishak* (si mati)⁵⁴. Secara tidak langsung ia akan melewatkannya urusan pembahagian harta pusaka tersebut.

b). Kelemahan dalam peruntukan undang-undang yang sedia ada. Misalnya, seksyen 6(4), Peraturan-peraturan Akta Harta

Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, menyatakan mana-mana ahli waris yang gagal menghadiri perbicaraan tanpa alasan yang munasabah sebanyak 3 kali akan menvebabkan sesuatu kes itu dibatalkan⁵⁵. Peruntukan ini telah mendorong sesetengah pihak yang berkepentingan terhadap harta si mati untuk tidak menghadiri perbicaraan tersebut. Ini secara tidak langsung akan mengganggu proses perbicaraan dan kehadiran ahli-ahli waris yang lain.

c). Terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang perlu dikaji semula agar ia tidak menimbulkan percaucahan dengan hukum syarak. Ini dapat dilihat di dalam seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960⁵⁶. Secara umumnya, peruntukan di dalam seksyen ini telah menahadkan pemilikan tanah kepada seorang ahli waris apabila berlaku kematian kepada pemilik asal. Peruntukan ini diubah bagi menghalang sebarang pemilikan secara beramai-ramai di atas sebidang tanah yang boleh mengakibatkan saiz-saiz tanah semakin kecil, kejatuhan nilai tanah, masalah berlakunya tanah terbiar dan sebagainya⁵⁷. Namun, peruntukan ini secara tidak langsung akan menafikan hak ke atas ahli-ahli waris yang lain untuk memiliki tanah tersebut secara pusaka.

Selain daripada itu, peruntukan undang-undang yang perlu dikaji semula juga dapat dilihat dalam seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (windaan) 1992⁵⁸. Secara umumnya, seksyen ini telah menahang sebarang bidadh milik

tanah si mati kepada ahli waris Islam yang bukan warganegara Malaysia kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri. Akibatnya, ahli-ahli waris terpaksa menerima kaedah pembahagian yang bersesuaian dengan peruntukan undang-undang tersebut.

Begitu juga, ahli-ahli waris yang mempunyai hak pusaka ke atas tanah-tanah yang diwartakan di bawah Enakmen Rezab Melayu Johor 1936⁵⁹. Secara umumnya. Enakmen ini mendhalang sebarang penurunan hak milik tanah orang Melayu kepada orang bukan Melayu yang telah memeluk Islam sama ada melalui pusaka atau sebagainya walaupun mereka merubahkan ahli waris yang berhak mengikut hukum syarak.

Kelemahan daripada faktor-faktor yang dinentaskan di atas telah menimbulkan beberapa kesan-kesan negatif dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka di daerah ini. Antaranya, ia bukan sahaja akan melewatkannya urusan pembahagian harta pusaka malah akan mendedahkan kepada masalah-masalah lain yang lebih rumit seperti berlaku tuntutan berlapis, memungkinkan berlakunya kehilangan bukti kematian yang diperlukan atau dokumen yang membuktikan harta-harta si mati, kematian pemohon, kematian ahli-ahli waris, memungkinan berlakunya pertikaian yang berpanjangan di kalangan ahli-ahli waris dan sebagainya.

Contohnya, dalam kes pembahagian ke atas tuntutan harta *Dasiman Hj. Mahmud* (si mati)⁶⁰, Mengikut fail permohonan si mati telah meninggal dunia pada 1 Januari 1968 sebagaimana yang dicatatkan dalam sijil akuan kematian. Manakala tuntutan permohonan bagi menyelesaikan pembahagian ke atas harta si mati hanya dibuat pada 9 Ogos 1996. Untuk menyelesaikan kes ini, ia perlu mengambil masa yang agak lama. Ini memandangkan kes ini memerlukan kepada pemeriksaan yang teliti dan bukti yang kuat bukan sahaja terhadap bukti kematian si mati bahkan bukti kematian di kalangan ahli-ahli waris. dokumen-dokumen yang membuktikan harta-harta si mati dan salasilah keturunan si mati.

Berdasarkan kepada laporan yang disediakan oleh Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar. seiak ia diwujudkan di daerah ini pada 1 Mac 1974 sehingga 30 Jun 1997. sebanyak 391 kes tuntutan pembahagian harta pusaka terpaksa ditangguhkan. Penangguhan kes ini disebabkan oleh faktor-faktor yang telah dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun. sepanjang tempoh tersebut, Unit ini telah berjaya menyelesaikan sejumlah 10,797 kes daripada 11,188 tuntutan pembahagian yang dikemukakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan terhadap harta si mati. (Sila lihat lampiran V). Jumlah ini termasuklah permohonan yang diterima daripada orang-orang Islam dan bukan Islam. Perangkaan yang dipaparkan ini menggambarkan kesan-kesan yang berlaku akibat daripada kelemahan dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian

harta pusaka di daerah ini.

4.5 Kesimpulan

Dalam melaksanakan urusan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar, terdapat dua kaedah pembahagian yang diamalkan iaitu kaedah *farā'id* dan kaedah persetujuan bersama (muafakat). Kedua-dua kaedah ini dilakukan ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Manakala kaedah pembahagian berdasarkan adat tidak dilakukan di daerah ini.

Dalam menentukan sesuatu kaedah pembahagian itu, semua ahli waris diberikan kebebasan untuk memilih kaedah yang dipersetujui mereka dengan penuh kerelaan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Tetapi dalam melaksanakan kaedah *farā'id* ke atas harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan, ia dilakukan di atas budi bicara Pegawai Pentadbir Pusaka. Ini memandangkan terdapat sekatan di dalam seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang menhalang sebarang pemilikan secara beramai-ramai atau melakukan becah milik ke atas tanah tersebut.

Melalui kaedah *farā'id*, pembahagiannya dilakukan dengan berdasarkan Sijil Akuan Faraid daripada Mahkamah Syariah mengikut kadar masing-masing sama ada satu perdua, satu pertiga, satu perempat, satu perenam, satu perlapan,

dua pertiga ataupun 'asabah. Namun, ia tertakluk kepada mereka yang memenuhi syarat penerimaan pusaka dan ditentukan di samping tiada sesuatu yang mendhalang mereka daripada menerima pusaka. Sementara melalui kaedah persetujuan bersama (muafakat) pula, ia dilakukan dengan beberapa cara sama ada harta-harta tersebut akan dibahagikan dengan kadar sama rata di antara ahli waris lelaki dan ahli waris perempuan atau dengan cara menyerahkan harta tersebut kepada salah seorang di kalangan ahli-ahli waris atau menverahkan kepada ahli-ahli waris yang lain.

Secara umumnya, Islam telah menetapkan semua urusan yang berkaitan dengan harta peninggalan si mati hendaklah dilaksanakan mengikut kaedah *farā'id* sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam al-Qurān dan al-Hadīth. Ini memandangkan melalui kaedah tersebut, setiap ahli waris akan mendapat bahagian mereka secara adil menurut ketetapan svarak.

Namun, Islam tidak menolak pemakaian sesuatu kaedah pembahagian yang bersesuaian dengan keperluan sesebuah masyarakat asalkan kaedah pembahagian tersebut tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip svarak dan memenuhi matlamat keadilan dalam pembahagian harta pusaka.

Pada dasarnya, para ulama fiqh telah menerima pokai suatu kaedah alternatif dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta pusaka. Kaedah tersebut dikenali sebagai al-

takharuj (التحرج)⁶¹. Ia berasal daripada perkataan Arab iaitu *kharaja* (خرج) yang bererti keluar⁶². Dari segi istilah, *al-takharuj* bermaksud penarikan diri dari menerima bahagian pusaka yang diperuntukkan kepadanya sama ada sebahagian atau kesemuanya kepada ahli-ahli waris yang lain secara sukarela dengan ahli-ahli waris yang lain membavar gantirugi kepadanya dengan sebab penarikan tersebut⁶³. Melalui kaedah ini, ahli-ahli waris dibenarkan untuk menarik diri daripada menerima bahagian pusaka dengan ahli-ahli waris yang lain dikehendaki membavar gantirugi kepadanya dengan sebab penarikan tersebut.

Para ulama fiqh telah bersepakat bahawa kaedah *al-takharuj* ini harus dilakukan dengan svarat ia dilakukan secara sukarela dan redha-meredhai oleh semua ahli waris. Namun, mereka hendaklah diberikan sesuatu yang tertentu sebagai bayaran gantirugi daripada habuan yang sepatutnya diterima oleh ahli waris tersebut. Melalui kaedah ini juga, ahli-ahli waris diharuskan untuk mengendalikan kaedah pembahagian secara *farā'id* dan bersetuju memilih suatu kaedah pembahagian yang sesuai dengan kedudukan harta si mati⁶⁴.

Kaedah pembahagian ini pernah dilakukan di zaman pemerintahan Khulafā' al-Rāshidin dalam menyelesaikan pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan oleh Abd. Rahman bin Auf ke atas isterinya iaitu Tumādhir binti al-Isbagh al-

Kalbiah yang diceraikan ketika beliau sedang nazak. Selepas Abd. Rahman bin Auf meninggal dunia. Saidina Uthman bin Affan telah memberikan bahagian pusaka kepada Tumādhir. Namun, Tumādhir telah dikeluarkan daripada senarai penerima hak pusaka dan diberi kepadanya dengan pembayaran gantiruji sebanyak 83 ribu dinar. Setengah pendapat mengatakan pembayaran gantirugi tersebut sebanyak 83 ribu dirham⁶⁵.

Walau bagaimanapun, para ulama fikih bersepakat bahawa pemakaian kaedah *al-takharuj* ini akan terbatasi sekiranya terdapat tiga keadaan berikut iaitu⁶⁶:

a). Apabila timbul tuntutan hutang ke atas harta si mati sedangkan harta peninggalannya tidak muncukupi untuk menjelaskan hutang tersebut dan ahli-ahli waris tidak bersedia untuk membayar dari harta mereka sendiri.

b). Apabila terdapat tuntutan wasiat dari harta peninggalan si mati sedangkan ia tidak diketahui semasa pembahagian atau penarikan diri oleh ahli-ahli waris tersebut. Dengan terdapatnya tuntutan wasiat tersebut, ia akan menyebabkan kadar bahagian yang diperuntukkan kepada semua ahli waris tersebut akan berubah.

c). Apabila terdapat ahli waris yang tidak diketahui sebelumnya pada masa pembahagian harta atau penarikan diri diadakan telah mendakwa sebagai ahli waris yang sah sedang-

kan kedatangannya akan merubahkan bahagian yang diberuntuk-kan kepada oleh semua ahli waris.

Berdasarkan kaedah persetujuan bersama (muafakat) yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar, kajian ini mendapati kaedah pembahagian tersebut telah menepati kaedah *al-takharuj* yang dianjurkan Islam. Ini memandangkan kaedah pembahagian tersebut dilaksanakan secara sukarela dengan memberi peluang kepada ahli-ahli waris untuk menverahkan sebahagian atau kesemua bahagian yang diberuntukkan kepada-nya kepada ahli-ahli waris yang lain. Di samping itu, kaedah pembahagian tersebut juga, menevati ciri-ciri keadilan dan berupaya memenuhi matlamat pembahagian harta di dalam Islam.

Namun, persoalannya apakah pemakaian kaedah persetujuan bersama (muafakat) yang diamalkan oleh orang-orang Islam di Daerah Muar juga perlu kepada bayaran gantiruqi sebagaimana yang dianjurkan di dalam kaedah *al-takharuj*. Dalam membincangkan persoalan ini, para ilmuan Islam berpendapat ia bukanlah suatu kewajipan tetapi ia tidak lebih daripada pemberian ihsan daripada waris yang diserahkan bahagian pusaka kepadanya⁶⁷. Ini memandangkan telah wujud persetujuan dan redha-meredhai di kalangan ahli waris sebelum menerima kaedah pembahagian tersebut. Namun, bayaran gantiruqi tersebut akan menjadi suatu kewajiban kepada ahli waris tersebut sekiranya ia diminta oleh ahli waris yang menverahkan baha-

gian pusaka kepadanya⁶⁸.

Berdasarkan kenyataan ini, penulis mendapati tidak terdapat sebarang tuntutan gantirugi dikemukakan oleh ahli-ahli waris yang menggunakan kaedah persetujuan bersama (muafakat) di daerah ini. Namun, tidak dinafikan ada di kalangan mereka menerima habuan atau bavarau tertentu tetapi, ia tidak lebih daripada pemberian ihsan daripada ahli waris tersebut. Malah, sudah menjadi suatu adat atau kebiasaan di kalangan orang-orang Islam di daerah ini untuk tidak membuat sebarang tuntutan gantirugi apabila mereka memilih kaedah tersebut dalam menyelesaikan harta pusaka⁶⁹.

Islam juga tidak menghalang pemakaian sesuatu adat atau 'uruf di dalam sesebuah masvarakat asalkan ia memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan⁷⁰. Antara nya, pemakaian adat tersebut tidak terkeluar dari prinsip-prinsip svarak. ia diterima sebagai suatu adat di dalam sesebuah masvarakat, tidak dihadkan pemakaiannya kepada tempoh tertentu dan memberikan faedah kepada sesebuah masvarakat⁷¹.

Melalui kaedah *al-takharuj* atau kaedah persetujuan bersama (muafakat) dalam urusan pembahagian harta pusaka di daerah ini, ia ternyata memberikan manfaat kepada ahli-ahli waris. Kaedah ini bukan sahaja memudahkan urusan pembahagian pusaka malah, harta tersebut dapat diusaha dan dimajukan dengan segera. Ini terbukti melalui analisa yang dilakukan

oleh penulis ke atas kes-kes perbicaraan tuntutan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar. Hasil analisa tersebut mendapati, sebahagian besar orang-orang Islam di daerah ini telah memilih keadah persetujuan bersama (muafakat) dalam menyelesaikan urusan pembahagian harta tersebut sama ada ke atas harta milik persendirian dan harta yang ditadbir oleh agensi kerajaan. Antara faktor pemilihan kaedah pembahagian ini ialah urusan pembahagian harta pusaka dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat.

Walau bagaimanapun, tidak semua ahli waris dapat memilih kaedah pembahagian secara bebas. Ini kerana terdapat di kalangan mereka yang terhalang daripada menerima tanah pusaka disebabkan oleh sekatan undang-undang. Terutamanya ahli-ahli waris yang memiliki tanah-tanah yang tertakluk di bawah peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan) 1992 dan Enakmen Rezab Melayu Johor 1936.

Selain daripada itu, penulis juga telah mendekalpasti beberapa permasalahan yang timbul dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Daerah Muar. Permasalahan ini berpunca daripada tiga faktor berikut iaitu masalah di kalangan ahli waris sendiri, masalah pentadbiran dan masalah perundangan. Secara tidak langsung, permasalahan ini telah menimbulkan beberapa kesan negatif terutama dalam

urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka. Antaranya, masalah kelewatan dalam menyelesaikan urusan pembahagian pusaka, memungkin berlakunya pertikaian yang berpanjanan di kalangan ahli waris dan sebagainya. Di samping itu, permasalahan ini turut menimbulkan beberapa kesan negatif kepada sistem sosial dan ekonomi. Antaranya, masalah tanah-tanah pusaka yang terbiar, nilai tanah yang rendah dengan sebab berlakunya pemilikan secara beramai-ramai di atas sekeping tanah dan sebagainya.

Oleh itu, dalam melaksanakan kaedah pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Daerah Muar, beberapa aspek perlu diberikan perhatian terutama dari sudut maklumat dan penerangan agar kaedah pembahagian yang dicadangkan itu benar-benar memberikan kesan positif bukan sahaja kepada ahli-ahli waris malah, harta yang ditinggalkan oleh si mati.

NOTA KAKI

- (1) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar pada 28 Julai 1997 bertempat di Pejabat Unit berkenaan dan Encik Abtar Singh, Pegawai Pentadbir Pusaka Amanah Raya Berhad Cawangan Muar pada tarikh yang sama bertempat di Pejabat Amanah Raya Berhad Cawangan Muar.
- (2) Lihat, seksyen 15, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98); Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar, Ibid.
- (3) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar. Ibid.
- (4) Ibid., Lihat juga, Dr. Muhammad Ali al-Sabūni (1993). *al-Mawārīth fi al-Syariyah al-Islāmiah fi Dau'i al-Kitāb wa al-Sunnah*, Damsyik: Dār al-Qalām. hal. 49-78; Dr. Svuki Abduh al-Sahi (1988), *Mausu'ah Ahkām al-Mawārīth*. Beirut: Dār al-Hikmah, hal. 132-136; Badrān Abu al-'Avnān Badrān (1981), *Ahkām al-Tarikah wa al-Mawārīth fi al-Syarīyah al-Islāmiah wa al-Qānūn*, cetakan pertama. Mesir: Dār al-Ma'arif, hal. 187-211.
- (5) Ibid.
- (6) Ibid.
- (7) Ibid.
- (8) Ibid.
- (9) Fail bilangan 433/97 tahun 1997. Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (10) Fail bilangan 335/97 tahun 1997. Ibid.
- (11) Fail bilangan 116/97 tahun 1997. Ibid.
- (12) Fail bilangan 141/97 tahun 1997. Ibid.
- (13) Lihat, seksyen 13(2), Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98); Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar, pada 29 Julai 1997 bertempat di pejabat unit berkenaan.
- (14) Fail bilangan 137/51 Tahun 1951, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar.

- (15) Fail bilangan 94/61 Tahun 1961. Ibid.
- (16) Fail bilangan 593/96 Tahun 1996. Ibid.
- (17) Lihat, seksyen 433(1)(b). Kanun Tanah Negara 1965. (pindaan) 1992, (No. 56).
- (18) Fail bilangan 357/97 Tahun 1997. Ibid.
- (19) Lihat, seksyen 433(1)(b). Kanun Tanah Negara 1965. (pindaan) 1992, (No. 56).
- (20) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar. pada 20 Disember 1997 bertempat di pejabat unit berkenaan.
- (21) Fail bilangan 109/80 Tahun 1980. Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (22) Fail bilangan 338/97 tahun 1997. Ibid.
- (23) Fail bilangan 39/97 tahun 1997. Ibid.
- (24) Fail bilangan 100/97 tahun 1997. Ibid.
- (25) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar pada 12 April 1999 di pejabat unit berkenaan: Perbualan telefon dengan Tuan Hj. Abdullah Mohammad. Pengarah Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kuala Lumpur pada 20 April 1999: Tan Sri Datuk Haji Arshad Ayub, Haji Nik Mohd. Zain bin Haji Nik Yusof dan Mohd. Helmi b. Hussain, "Harta Perolehan Dari Agensi-agensi Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah". kertas kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan. pada 3-4 Jun 1983. anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (26) Lihat, seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).
- (27) Lihat, seksyen 15, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, (No. 98); Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. op.cit.; Perbualan telefon dengan Tuan Haji Abdullah Muhammad, op.cit..
- (28) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Ibid.. Perbualan telefon dengan Tuan Haji Abdullah Muhammad. Ibid.
- (29) Fail Bilangan 191/98 tahun 1998, Unit Penyelesai Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (30) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. op.cit.; Perbualan telefon dengan Tuan Haji Abdullah Muhammad. op.cit..

- (31) Fail Bilangan 184/97 tahun 1997. Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (32) Fail Bilangan 401/96 tahun 1996. Ibid.
- (33) Fail Bilangan 109/97 tahun 1997. Ibid.
- (34) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. *op.cit.*: Perbualan telefon dengan Tuan Haji Abdullah Muhammad. *op.cit.*.
- (35) Fail Bilangan 144/97 tahun 1997. Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (36) Fail Bilangan 145/97 tahun 1997. Ibid.
- (37) Fail Bilangan 19/98 tahun 1998. Ibid.
- (38) Kaedah pembahagian ini boleh diruiuk kepada pembahagian harta ke atas harta peninggalan *Hj. Samsuddin bin Hj. Redzuan* (si mati). Sila lihat. Fail bilangan 433/97 tahun 1997. Ibid.
- (39) Fail bilangan 100/97 tahun 1997. Ibid.
- (40) Fail Bilangan 401/96 tahun 1996. Ibid.
- (41) Fail bilangan 141/97 tahun 1997. Ibid.
- (42) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar. pada 29 Julai 1997 di pejabat unit berkenaan.
- (43) Fail bilangan 335/97 tahun 1997. Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (44) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar. pada 29 Julai 1997 di pejabat unit berkenaan.
- (45) Fail bilangan 137/51 Tahun 1951. Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (46) Fail bilangan 94/61 Tahun 1961. Ibid.
- (47) Fail bilangan 357/97 Tahun 1997. Ibid.
- (48) Lihat, seksyen 433(1)(b), Kanun Tanah Negara 1965. (pindaan) 1992, (No. 56).
- (49) Fail Bilangan 191/98 tahun 1998. Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar.
- (50) Lihat, seksyen 14, 15 dan 16. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. (No. 13).

(51) Temubual dengan Hajah Anisah Mamat, Pegawai Pentadbir Pusaka, Amanah Raya Berhad, cawangan Wilayah Persekutuan pada 30 Jun 1998 bertempat di pejabat beliau.

(52) Lihat, seksyen 52(2)(b)(iv). Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978, (No. 14); Prof. Ahmad Ibrahim (1997). *op.cit.*, hal. 323.

(53) Lihat, Akta Probet dan Pentadbiran Harta Pusaka 1959. (No. 97); Prof. Ahmad Ibrahim. *Ibid.*

(54) Lihat, keratan akhbar Berita Harian bertarikh 9 Julai 1998, hal. 6; keratan akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9 Julai 1998, hal. 16; Ruangan Rencana di Utusan Malaysia bertajuk "Mahkamah Syariah Tiada Bidangkuasa" oleh Salleh Buang bertarikh 21 Julai 1998. hal. 7.

(55) Lihat, seksyen 6(4). Peraturan-peraturan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. (No. 495).

(56) Lihat, seksyen 16, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (No. 13).

(57) Dato' Sir Mahmud bin Mat (1962). "Land Subdivision and Fragmentation", *Intisari*, MSRI. Jilid 1. No. 2.

(58) Lihat, seksyen 433(1)(b). Kanun Tanah Negara 1965. (pindaan) 1992, (No. 56).

(59) Lihat, Enakmen Rezab Melavu Johor 1936. (No. 1).

(60) Fail bilangan 335/97 tahun 1997. Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar.

(61) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987). *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, juzuk lapan, cetakan ketiga. Damsvik: Dār al-Fikr, hal. 440; Badrān Abu al-'Aynān Badrān. *op.cit.*.. hal. 325; Dr. Syuki Abdurrahman al-Sahi, *op.cit.*.. hal. 332; Hj. Abdul Kadir Hj. Ismail (1983), *Sistem Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. hal. 331; Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff (1987), *Undang-undana Pusaka Dalam Islam. Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur: Penerbitan al-Hidayah dan Hizbi, hal. 162.

(62) *Ibid.*, Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff. *Ibid.*

(63) *Ibid.*, Muhammad Abu Zahrah (1963). *Ahkām al-Tarīkah wa al-Mawāritīh*, Dār al-Fikr al-Arabi. hal. 265.

(64) Hj. Abdul Kadir Hj. Ismail. *op.cit.*.. hal. 332.

(65) *Ibid.*, Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987). *op.cit.*.. hal. 440; Drs. Faizur Rahman (1981). *Ilmu Waris*. cetakan kedua. Bandung: Penerbit al-Ma'arif. hal. 469.

(66) Muhammad Abu Zahrah (1963). *op.cit.* hal. 271: Dr. Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.* hal. 165.

(67) Temubual dengan Prof. Madya Ustaz Salleh Hj. Ahmad. Ketua Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Svariah. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pada 11 Mei 1999. bertempat di pejabat beliau.

(68) Ibid.

(69) Temubual dengan Encik Samsuri Selamat. Pegawai Pentadbir Pusaka, Unit Penyelesaian Pusaka Kecil Daerah Muar. pada 12 April 1999 bertempat di pejabat unit berkenaan.

(70) Dr. Abd. Rahman al-Sabūni. Dr. Mahmood Muhammad al-Tantawi, Dr. Khalifah Ibn. Bakar (1982). *al-Madkhal al-Fiqh wa Tarikh al-Tasyrik al-Islāmi*, Kaherah: Maktabah Wahbah. hal. 137.

(71) Ibid. hal. 139-142; Dr. Abd. Karīm Zaidān (1964). *al-Wajiz fi Usūl al-Fiqh*. Baghdad: Matba'ah Sulaiman al-A'zāmi. hal. 216-218.